

Susun cerita di bawah dengan turutan yang betul. Kemudian, tulis semula menjadi sebuah karangan pendek.

Kiko dan rakan-rakannya datang membantu memasang khemah bersama penduduk di situ.

Khemah-khemah tersebut telah dipasang di kawasan taman permainan berdekatan dengan rumah Kiko.

Apabila selesai menyusun meja dan kerusi, Kiko dan penduduk di situ dijamu dengan makanan seperti mihun goreng dan kuih-muih yang dimasak oleh kaum wanita di situ.

Pada suatu hari, kawasan kejiranan Kiko akan mengadakan Hari Kejiranan.

Selepas selesai memasang khemah, mereka bekerjasama menyusun kerusi dan meja untuk para tetamu.

Keesokan harinya, Hari Kejiranan diadakan dengan meriah. Kiko berasa gembira kerana kerjasama yang diwujudkan mampu menjayakan hari tersebut dengan jayanya.

Soalan Objektif

Jawab soalan-soalan di bawah.

1 Fu Meng membantu jirannya _____ reban ayamnya yang rosak.

- A menahan
- B membaiki
- C mencabut
- D merosakkan

2 Setiap hujung minggu, Daljit dan jirannya akan _____ membersihkan halaman rumah mereka bersama-sama.

- A berkelahi
- B berbual-bual
- C bermasam muka
- D bergotong-royong

3 Vivian suka menyertai pelbagai aktiviti _____ yang dianjurkan di kawasan kejiranannya.

- A kekayaan
- B kesusahan
- C kebudayaan
- D kemasyarakatan

4 Kita hendaklah bersama-sama jiran menjaga kebersihan kawasan _____.

- A kejiranan
- B kesihatan
- C kebersihan
- D keutamaan

5 Bobo mendapat ramai _____ dari kawasan kejiranannya kerana dia sering menyertai aktiviti bergotong-royong.

- A adik
- B kakak
- C musuh
- D sahabat

Soalan Subjektif

Tandakan (✓) pada sikap yang baik dan (X) pada sikap yang tidak baik.

- 1 Wilda tidak suka bergaul dengan jiran-jirannya. ()
- 2 Kampung Sejahtera bersih kerana penduduknya menjaga kebersihan. ()
- 3 Pooja malas menyertai aktiviti yang dianjurkan oleh kejiranannya. ()
- 4 Penduduk sepakat menjalankan rondaan pada waktu malam secara bergilir-gilir. ()
- 5 Adila dan jirannya sering membuang air yang bertakung di dalam bekas-bekas yang terdedah kerana ditakuti ada jejentik membiak. ()